

**Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor.**

**PERKEMBANGAN SISTEM PASAR TRADISIONAL
DI MALAYSIA
KAJIAN KES: PASAR BESAR KOTA BHARU**

**OLEH
ROHANI BT. OSMAN**

**Satu Thesis Yang Disediakan Untuk Memenuhi
Sebahagian Dari Syarat Untuk Penganugerahan**

DIPLOMA LANJUTAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

**Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur,
Institut Teknologi MARA
Shah Alam.**

April, 1984.

Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor.

PENGHARGAAN

Di sini suka saya mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan saya kepada mereka yang terlibat dan telah memberikan kerjasama dan layanan yang tak terhingga di dalam menjayakan desitasi ini. Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pegawai-pegawai dan jabatan-jabatan tersebut di bawah:-

- En. Rustam bin Abbas

Pensyarah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah,
ITM, selaku penyelia kepada kajian ini.

- En. Kasim bin Muhamad

Setiausaha, Majlis Perbandaran Kota Bharu,
kerana membenarkan mengambil maklumat-maklumat yang perlu untuk kajian ini.

- Ku Yusuf Ku Osman

Pembantu Teknik Perancang Bandar MPKB,
kerana sudi meminjamkan bahan-bahan
rujukan dan peralatan.

- Kesemua pegawai dan kakitangan dari MPKB,

Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Kelantan,
KESEDAR, PKINK dan UPEN yang telah memberi kerjasama
semasa kajian ini dijalankan.

- Kesemua peniaga-peniaga di Pasar Besar Kota Bharu yang telah bekerjasama semasa soal selidik perniagaan dijalankan.

Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Ilham bin Abu Hassan yang telah menyediakan illustrasi untuk kajian ini dan seterusnya kepada semua yang tidak tersebut namanya di sini.

BAB SATU

Bab ini akan mengemukakan pengenalan kepada kajian ini. Ia akan mengemukakan tujuan kajian ini diadakan dan juga pendekatan yang digunakan di dalam menjalankan kajian ini. Kenyataan hipotesis dan permasalahan akan dibentangkan dengan tujuan ia akan menjadi landasan ataupun panduan kepada kajian yang akan dijalankan.

1.0.0 PENDAHULUAN DAN PENDEKATAN KAJIAN

1.1.0 Pengenalan

Pasar merupakan suatu tempat perhimpunan awam yang terdiri daripada para pembeli dan penjual pada masa-masa tertentu untuk menjalankan aktiviti perniagaan yang mana tertakluk pada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Pasar juga merupakan satu fenomena antarabangsa, tetapi dalam kontek sistem perniagaan runcit, ianya berbeza mengikut keadaan budaya dan ekonomi tempatan. Di negara-negara barat, dimana terdapat persaingan dengan sistem perniagaan moden, kepentingan pasar tradisional atau pasar awam kini menjadi semakin berkurangan, tetapi ia masih kekal sebagai elemen yang penting dalam sistem pengedaran perniagaan perbandaran yang kompleks dan bercampur aduk di negara-negara dunia ketiga.

Terdapat berbagai-bagai pandangan daripada para penyelidik yang membuat kajian tentang sistem perniagaan runcit. Antaranya adalah seperti TSE (1974), dalam 'Hawker Study Programme' mengatakan bahawa sistem perniagaan runcit adalah satu sistem yang berterusan, iaitu bermula daripada tahap